



**BAHAGIAN PENGURUSAN TEKNOLOGI MAKLUMAT  
PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PERLIS**

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA**

1. Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat-syarikat tempatan bertaraf Bumiputera dan Bukan Bumiputera yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan di bawah kod bidang 210107, 210103 dan 220104 serta mempunyai sijil berkaitan ICT *Security* atau *Security Posture Assessment* (SPA) yang mana tempoh pendaftarannya masih lagi berkuatkuasa. Butiran Sebut Harga adalah seperti berikut:

| TAJUK SEBUT HARGA /<br>NO. SEBUT HARGA                                                                                                                                                                                            | KOD BIDANG<br>PENDAFTARAN            | TARIKH BUKA                    | TARIKH TUTUP                                                                         |
|-----------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|--------------------------------------|--------------------------------|--------------------------------------------------------------------------------------|
| <b>PERKHIDMATAN PENILAIAN<br/>TAHAP KESELAMATAN<br/>(SECURITY POSTURE<br/>ASSESSMENT – SPA) BAGI<br/>APLIKASI UTAMA<br/>DI PEJABAT SETIAUSAHA<br/>KERAJAAN NEGERI PERLIS</b><br><br>No. Sebut Harga:<br><b>(SUKPs/BPTM/26/05)</b> | <b>210107, 210103 dan<br/>220104</b> | <b>12 Ogos 2026<br/>(Rabu)</b> | <b>21 Ogos 2026<br/>(Jumaat)</b><br><br><b>Sebelum jam<br/>12:00 tengah<br/>hari</b> |

2. Borang Sebut Harga boleh diperolehi secara **PERCUMA** di Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat, Aras 3, Blok A, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Negeri, Persiaran Wawasan, 01000 Kangar, Perlis pada waktu pejabat mulai jam 9:00 pagi hingga 5:00 petang kecuali hari Jumaat sehingga jam 12:15 tengah hari sahaja.
3. Hanya satu (1) dokumen Sebut Harga sahaja yang dikeluarkan kepada setiap Penyebut Harga. Sila bawa bersama cop rasmi syarikat dan sijil **DOKUMEN ASAL** berkaitan semasa mendapatkan borang Sebut Harga. **Borang Sebut Harga hanya diedarkan kepada penyebut harga yang mematuhi syarat Sebut Harga sahaja.**
4. Semua maklumat yang dinyatakan di dalam dokumen Sebut Harga wajib dilengkapkan. Dokumen yang tidak lengkap tidak akan diproses.
5. Dokumen yang telah dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul surat belakri/sea/ dan bertulis No. Sebut Harga di sebelah kiri sampul dan ditengahnya ditulis tajuk Sebut Harga dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran Sebut Harga di Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat, Aras 3, Blok A, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Perlis, Kompleks Pentadbiran Kerajaan Negeri, Persiaran Wawasan, 01000 Kangar, Perlis **sebelum atau pada 21 Ogos 2026 (Jumaat) jam 12:00 tengah hari**. Dokumen Sebut Harga yang **LEWAT** dikemukakan **TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN**.
6. Sebarang pertanyaan mengenai Sebut harga ini bolehlah diajukan kepada:  
Urus Setia Sebut Harga : 04-973 1892/04-973 1894/04-973 1902